

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077




9 772637 007004

Memori antara Dua Zaman

- Norsukada Samsudin -

Sebagai seorang pendidik, terdapat satu hakikat yang tidak dapat dinafikan iaitu zaman sentiasa berubah. Seiring dengan perubahan tersebut, pendidik juga perlu menyesuaikan diri, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kaedah dan pendekatan yang dianggap berkesan pada suatu ketika dahulu mungkin tidak lagi sesuai untuk diaplikasikan pada masa kini, selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa.



Jika kita mengimbuai kembali detik awal melangkah ke bilik kuliah sebagai seorang pendidik, suasananya amat berbeza berbanding hari ini. Bukan sahaja usia yang semakin meningkat, malah landskap pembelajaran dan suasana di dalam kelas juga telah banyak berubah. Jika dahulu kita melangkah masuk ke kelas dengan semangat “muda-mudi”, kini walaupun usia bertambah, semangat untuk mendidik dan membimbing anak bangsa tetap kekal teguh. Perubahan ini dapat dilihat melalui beberapa aspek utama:

Pendidik dan Teknologi

Suatu masa dahulu, peranan pendidik begitu jelas. Pendidik merupakan sumber utama untuk mendapatkan ilmu. Kini, teknologi menjadi sebahagian daripada kehidupan pelajar. Segalanya di hujung jari. Pelajar bebas mencari ilmu bila-bila masa, dan di mana sahaja.

Marker Pen dan Skrin Sentuh

Alat bantu mengajar sentiasa memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Jika suatu ketika dahulu tangan yang “comot” dengan kesan marker pen menjadi lambang kesungguhan seorang pendidik di hadapan papan putih, kini cabaran yang dihadapi adalah memastikan peranti digital, sambungan internet, dan peralatan teknologi berfungsi dengan baik bagi menyokong proses pembelajaran.

Bersua muka dan Komunikasi Digital

Pada masa lalu, pelajar lazimnya berjumpa pensyarah secara bersemuka untuk mendapatkan penjelasan atau bertanya soalan. Kini, komunikasi lebih banyak berlaku melalui aplikasi seperti WhatsApp dan Telegram. Notifikasi mesej boleh diterima pada bila-bila masa tanpa mengira waktu. Keadaan ini menjadikan komunikasi lebih pantas dan terbuka, namun pada masa yang sama memerlukan kebijaksanaan pendidik dalam menetapkan batas profesional. Kadang-kadang, mesej WhatsApp diterima pada pukul 10 malam bertanyakan “Madam, esok ada kelas tak?”. Segelintir pelajar lebih berani bersuara dan merasakan pensyarah lebih terbuka dan santai.

Mencatat nota dan Dokumentasi Digital

Sebagai pelajar, mencatat nota yang diberikan oleh pensyarah merupakan perkara penting yang perlu dilakukan ketika berada di dalam kelas. Nota-tota yang disalin dihias dengan pen pelbagai warna agar nampak lebih menarik untuk dibaca. Kini, pelajar-pelajar lebih cenderung untuk mengambil gambar nota tersebut menggunakan telefon bimbit masing-masing. Bunyi “Snap” dari kamera telefon atau bunyi “screenshot” dari skrin tablet hanya kedengaran di dalam kelas.

Google dan ChatGPT

Google dianggap sebagai kawan baik satu ketika dahulu. Ia merupakan satu-satunya solusi terbaik yang mudah digunakan untuk mencari maklumat dan menyelesaikan permasalahan akademik. Kini, para pelajar lebih tertarik dengan penggunaan ChatGPT sehinggakan ada yang menggunakan ChatGPT untuk menyelesaikan tugas mereka.

Walaupun pelbagai perubahan berlaku, matlamat seorang pendidik tetap tidak berubah. Pendidik sentiasa berhasrat untuk melihat pelajar berjaya, berkembang secara holistik, dan menjadi insan yang berguna kepada masyarakat. Kepuasan sebenar dirasai apabila pelajar menunjukkan kefahaman, peningkatan prestasi, serta perkembangan potensi diri yang positif.

Peribahasa Melayu ada mengatakan, “Dulu lain, sekarang lain”. Seiring dengan peredaran zaman, pendidikan juga terus berkembang dan berubah. Dalam menghadapi perubahan ini, pendidik perlu terus belajar untuk menyesuaikan diri serta cekal dalam mendepani cabaran semasa. Hal ini demikian kerana pendidikan merupakan asas penting dalam membentuk masa depan yang lebih baik. Perubahan zaman bukanlah penghalang untuk seorang pendidik, tetapi ia merupakan peluang untuk pendidik memperkaya pengalaman mengajar dan belajar. Dengan teknologi, kreativiti, dan komitmen, pendidik mampu membentuk pelajar bukan sahaja bijak dari segi akademik, tetapi juga berdaya saing, berakhlak mulia, dan bersedia menghadapi cabaran dunia yang sentiasa berubah.

Panduan Asas Pengurusan Urusan Selepas Kematian

(Catatan Pengalaman Peribadi)

Oleh:
Siti Asmah Mohamed

Fasa 1: Persediaan Dokumen & Makluman Segera



1 Sediakan Fail Dokumen Utama

Sediakan salinan dalam bentuk fizikal dan digital, antaranya Kad pengenalan, MyKid, sijil kelahiran anak, Sijil kematian, Sijil nikah dan Penyata nombor akaun bank



2 Notifikasi Pihak Berkaitan

Maklumkan segera kepada pihak bank, syarikat takaful/insurans, dan majikan arwah untuk memulakan proses tuntutan dan pentadbiran.

3 Semak Tuntutan Khairat Kematian



Periksa kelayakan bantuan awal daripada institusi seperti KWSP, PERKESO, Masjid/Surau, atau organisasi majikan arwah.

Fasa 2: Pengurusan Hutang & Harta Pusaka

5 Inventori Aset Arwah



Harta Alih
(wang simpanan, KWSP, kenderaan)



Harta Tak Alih
(rumah dan tanah)

Selepas hutang dikenal pasti, seterusnya ialah senarikan semua harta dan aset arwah iaitu harta Alih dan tidak alih.



Amanah Penama

Peranan Penama (Nominee)

Penama bagi KWSP atau Tabung Haji bertindak sebagai pemegang amanah untuk menguruskan harta, bukan sebagai pemilik mutlak.


4 Senaraikan Semua Hutang



Antara hutang yang lazim disenaraikan:

- Zakat tertunggak (zakat pendapatan atau zakat simpanan)
 - Tunggakan Cukai (LHDN)
- Kad kredit
- Pinjaman pendidikan
- Hutang peribadi dengan individu

7 Pilih Saluran Perundangan



Yang Betul

Pejabat Pusaka Kecil



Harta tak alih seperti rumah dan tanah.



Amanah Raya



Harta alih sahaja.



Mahkamah



Harta bernilai besar atau kes-kes yang kompleks.

Nota: Saluran pengurusan bergantung kepada nilai dan jenis harta

Fasa 3: Penukaran Nama & Tuntutan Hak



Internet

Astro, peralatan sewaan

nombor telefon

bil utiliti dan cukai pintu

8 Tutup atau Tukar Nama Bil Berbayar

Kamas kini maklumat bagi perkhidmatan seperti Internet, Astro, peralatan sewaan (penapis air), nombor telefon, serta bil utiliti dan cukai pintu.



Pencen Penakat (PERKESO)



Harta Sepencarian melalui Mahkamah Syariah

9 Pertimbangkan Tuntutan Tambahan

Semak kelayakan untuk permohonan Pencen Penakat (PERKESO) dan tuntutan Harta Sepencarian melalui Mahkamah Syariah jika berkaitan.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637 007004